



SIARAN MEDIA

**YB TENGKU DATO' SRI ZAFRUL TENGKU ABDUL AZIZ
MENTERI KEWANGAN**

**LAPORAN LAKSANA KE-11
PELAKSANAAN PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI
PRIHATIN RAKYAT (PRIHATIN) & PELAN JANA SEMUA
EKONOMI NEGARA (PENJANA)**

30 JUN 2020



PENGENALAN

1. Laporan Laksana Ke-11 mengenai pelaksanaan Pakej PRIHATIN dan PENJANA akan merangkumi 3 perkara:
 - a. Pencapaian terkini Pakej PRIHATIN;
 - b. Status inisiatif-inisiatif PENJANA; dan
 - c. Ulasan ringkas mengenai topik-topik semasa pilihan.

PRIHATIN MATLAMAT 1: LINDUNGI RAKYAT

2. **Pertama, Bantuan Prihatin Nasional atau BPN.**
 - a. Sehingga 26 Jun, seramai **10.215 juta** (peningkatan daripada 10.19 juta minggu lalu) penerima BPN telah menerima bantuan ini, yang membawa keseluruhan bayaran BPN ke **RM10.90 bilion** (daripada RM10.88 bilion minggu lalu), iaitu **97.32%** tahap pelaksanaan (daripada 97% minggu lalu).

- b. Antara 19 hingga 26 Jun, sebanyak **RM20 juta** telah dibayar kepada **25,000** penerima BPN melalui bayaran secara tunai di cawangan BSN seluruh negara.
- c. Bayaran rayuan BPN kepada **perayu** yang lulus telah dibayar mulai 24 Jun 2020 dan sehingga 29 Jun, peruntukan yang terlibat adalah sebanyak **RM139 juta**.
3. **Kedua**, berita baik juga buat penerima **Bantuan Sara Hidup atau BSH**. Bagi penerima di semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak (yang bukan kawasan pedalaman), bayaran untuk Fasa 3 akan dibuat sebelum akhir bulan Julai dan melibatkan 5 juta penerima, iaitu 3.8 juta isi rumah dan 1.2 juta individu bujang. Implikasi kos Fasa 3 kepada Kerajaan adalah sebanyak RM3 bilion.
- a. Sebagai peringatan, jumlah BSH yang diterima bergantung kepada pendapatan, iaitu:

Kategori	Pendapatan	Jumlah BSH
Isi rumah	RM2,000 ke bawah	RM600
Isi rumah	Antara RM2,001 - RM3,000	RM350
Isi rumah	Antara RM3,001 - RM4,000	RM250
Bujang (40 tahun ke atas)	RM2,000 ke bawah	RM400

- b. Penerima kategori isi rumah juga akan menerima **tambahan bantuan RM120 bagi setiap anak (bawah 18 tahun) maksima 4 orang anak**. Contoh: isi rumah berpendapatan kurang RM2,000 dengan 4 orang anak akan mendapat RM1,080
- c. Seperti diumumkan sebelum ini, **pelaksanaan pembayaran secara tunai BPN dan fasa kedua dan fasa ketiga BSH 2020 bagi kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak (tiada akaun bank)** akan bermula pada **1 hingga 31 Julai 2020** dengan diselaraskan oleh Perbendaharaan Malaysia Sabah (PMSabah) dan Perbendaharaan Malaysia Sarawak (PMSarawak). Usaha ini bakal memanfaatkan **53,325 penerima** dengan implikasi kewangan sebanyak **RM28.7 juta**. PMSabah dan PMSarawak akan turun ke lokasi-lokasi yang ditetapkan di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak bagi memudahkan urusan penerima di kawasan berkenaan. Pecahan penerima mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri Sarawak	41,995
Negeri Sabah	11,330
Jumlah	53,325

4. **Ketiga, program i-Lestari KWSP.** Sehingga 26 Jun, sebanyak **4.34 juta** permohonan telah diluluskan dengan pengeluaran sebanyak **RM2.17 bilion** sebulan.
- Kerajaan sedar walaupun masih ada bantuan-bantuan yang lain seperti BPN, BSH, SOCSO, EIS, zakat, dan sebagainya, masih ada golongan Rakyat yang berkeadaan amat kekurangan.
 - Keselamatan sosial Rakyat tidak diambil ringan. Bantuan Pakej PRIHATIN dan PENJANA disasarkan dapat membantu Rakyat dalam jangka masa pendek. Kerajaan akan memantau rapat situasi semasa untuk mencari jalan penyelesaian yang mampan untuk jangka masa sederhana dan panjang.

i-Lestari	Jumlah diluluskan* (RM bilion)	Permohonan diluluskan* (juta)
26 Jun	2.17	4.34
19 Jun	2.01	4.30
12 Jun	1.98	4.22
5 Jun	1.94	4.1
31 Mei	1.90	4.0
17 Mei	1.83	3.9
10 Mei	1.76	3.7
3 Mei	1.66	3.5
26 April	1.57	3.3
19 April	0.70	1.5
12 April	0.57	1.17

**Jumlah Kumulatif*

PRIHATIN MATLAMAT 2: SOKONG PERNIAGAAN

5. Pertama, Geran Khas Prihatin (GKP) untuk PKS Mikro:

- Setakat 26 Jun, jumlah keseluruhan GKP yang dibayar adalah bernilai lebih kurang **RM1.63 billion** dan ini telah memanfaatkan **544,500 PKS Mikro**.
- Bagi PKS Mikro yang **telah lulus selepas disemak lanjut**, pembayaran sudahpun bermula pada **29 Jun 2020**.
- Bayaran rayuan GKP kepada **21,983 PKS mikro yang lulus rayuan** melibatkan jumlah implikasi kewangan sebanyak **RM65.95 juta** akan mula dibuat pada **2 Julai 2020**. Kerajaan berharap geran ini sedikit sebanyak akan dapat membantu PKS Mikro dalam menjana semula perniagaan masing-masing.

- d. Bagi PKS Mikro yang gagal kredit (butiran akaun bank tidak tepat atau tiada akaun bank), penerima GKP diminta mengemaskini butiran mereka di <https://gkp.hasil.gov.my>.

6. **Kedua, Program Subsidi Upah:**

- a. Sehingga 26 Jun, sebanyak **RM7.07 bilion** telah diluluskan bagi **307,518 majikan** yang memanfaatkan lebih **2.46 juta pekerja**.

Subsidi Upah Peruntukan: RM13.8 bilion	Jumlah diluluskan* (RM bilion)	Jumlah Majikan*	Jumlah Pekerja* (juta)
26 Jun	7.07	307,518	2.46
19 Jun	4.89	303,596	2.40
12 Jun	4.08	295,265	2.31
5 Jun	4.00	293,033	2.30
31 Mei	3.22	286,338	2.20
17 Mei	2.24	267,752	2.00
10 Mei	2.10	258,165	1.90
3 Mei	1.90	235,000	1.70
26 April	1.35	195,000	1.50
19 April	1.20	159,000	1.00

*Jumlah kumulatif

- b. Kerajaan ingin mengucapkan terima kasih kepada PERKESO di atas kerjasama dalam menyalurkan bantuan subsidi upah ini kepada majikan-majikan dan pekerja-pekerja yang terkesan oleh COVID-19.

7. **Ketiga, Program Bantuan Majikan Covid-19 (e-CAP) KWSP:** Sehingga 26 Jun 2020, sebanyak **36,107 permohonan telah diterima** dan sebanyak **9,542 permohonan telah diluluskan** bernilai **RM63.9 juta** bagi caruman KWSP majikan. Kerajaan ingin menekankan bahawa KWSP akan membuat pemantauan rapat untuk memastikan caruman yang distruktur semula akan tetap dibayar pada masa hadapan. Tindakan boleh diambil ke atas majikan yang tidak menunaikan tanggungjawab masing-masing dari segi caruman untuk tabung persaraan pekerja.

Bantuan majikan Covid-19 (e-CAP) KSWP	Jumlah permohonan diterima*	Jumlah permohonan diluluskan*	Jumlah diluluskan* (RM juta)
26 Jun	36,107	9,542	63.9
19 Jun	34,246	8,489	56.8
12 Jun	31,400	7,194	47.9
5 Jun	29,601	6,457	42.9
31 Mei	26,509	5,245	34.8
17 Mei	20,771	3,168	20.6
10 Mei	13,690	2,032	13.4

*Jumlah kumulatif

8. **Keempat**, mengenai **Dana Pinjaman Mudah PKS (SME Soft Loans Funds)** yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia. Sehingga 26 Jun 2020, permohonan yang telah diluluskan oleh bank-bank tempatan dan disetujuterima oleh PKS adalah **RM8.4 bilion**, dan ini akan memanfaatkan **19,539 PKS**. Jumlah ini termasuk dana *Special Relief Facility, Automation & Digitalisation Facility, All-Economic Sector Facility* dan *Agrofood Facility*.

Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetujuterima* (RM bilion)	Jumlah PKS*
26 Jun	8.4	19,539
19 Jun	8.2	19,253
12 Jun	7.8	18,449
5 Jun	7.5	18,227
31 Mei	6.9	16,833
17 Mei	5.8	14,075
10 Mei	4.7	11,975
3 Mei	3.0	6,840
26 April	1.5	3,636

*Jumlah kumulatif

9. **Kelima**, bagi **Skim Kredit Mikro BSN** dan **TEKUN Nasional** pula, sehingga 26 Jun 2020:
- Di bawah Skim Kredit Mikro BSN, sebanyak **7,577** permohonan daripada peniaga mikro telah diluluskan, bernilai **RM260.6 juta**.
 - Bagi program TEKUN, jumlah permohonan yang diluluskan ialah **25,071**, bernilai **RM191.50 juta**.

Skim Kredit Mikro Peruntukan: RM700 juta	Kredit Mikro BSN		Tekun	
	<i>Jumlah* PKS yang lulus</i>	<i>Nilai* (RM juta)</i>	<i>Jumlah* PKS yang lulus</i>	<i>Nilai* (RM juta)</i>
26 Jun	7,577	260.6	25,071	191.50
19 Jun	6,742	236.4	22,843	174.63
12 Jun	6,074	216.7	21,674	166.14
5 Jun	5,222	191	19,382	151
31 Mei	4,587	175	15,949	128
17 Mei	3,537	145	12,104	101
10 Mei	2,626	114	8,562	72
3 Mei	2,026	90	4,981	42
26 April	1,703	76	1,769	15

**Jumlah Kumulatif*

PRIHATIN MATLAMAT 3: PERKUKUH EKONOMI

10. Bagi **Moratorium Bayaran Balik Pinjaman Institusi Kewangan**, sejak berkuatkuasa pada 1 April 2020 yang lalu, setakat 19 Jun 2020, nilai moratorium tersebut dianggarkan berjumlah **RM47.5 bilion**. Dari angka ini, sebanyak **RM16.6 bilion** adalah jumlah yang dimanfaatkan oleh sektor perniagaan manakala jumlah yang dimanfaatkan oleh Rakyat bernilai **RM30.9 bilion** melalui pinjaman yang layak mendapat moratorium dari institusi kewangan.
11. **Peminjam diingatkan bahawa tempoh moratorium ini akan berakhir pada 30 September 2020**. Bagi mereka yang mungkin memerlukan kemudahan penyusunan dan penjadualan semula selepas 30 September, **peminjam dinasihatkan untuk berbincang dengan institusi kewangan masing-masing secepat mungkin**.

PENJANA (Pelan Jana Semula Ekonomi Negara)

12. Bagi Pelan Jana Semula Ekonomi Negara atau PENJANA, beberapa inisiatif telah bermula bulan Jun ini dan beberapa lagi masih di peringkat awal pelaksanaan.
13. **Pertama**, di bawah program MY30, di mana Kerajaan memperuntukkan RM200 juta bagi penggunaan tanpa had dengan bayaran RM1 sahaja sehari selama 30 hari untuk MRT, LRT, monorel, BRT, Bas RapidKL dan Bas Pengantara MRT. **Setakat 28 Jun 2020, sebanyak 66,692 pas telah terjual**, dan subsidi Kerajaan bagi pas-pas ini bernilai **RM11.3 juta**.

14. **Kedua**, bagi program **subsidi upah ditambahbaik** dengan peruntukan **RM5.3 bilion**: Dengan penyelarasan program Subsidi Upah di bawah PENJANA, permohonan (oleh majikan) untuk program Subsidi Upah yang telah ditambahbaik ini telahpun dibuka mulai 15 Jun 2020. Di bawah program subsidi upah ditambahbaik, **pekerja di dalam sektor pelancongan dan sektor terlarang sepanjang tempoh PKPB yang diberi cuti tanpa gaji adalah layak untuk menerima subsidi upah**, dengan syarat pekerja tersebut menerima subsidi upah secara langsung. Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://www.perkeso.gov.my/index.php/ms/program-subsidi-upah>.
15. **Ketiga**, **PenjanaKerjaya** iaitu program insentif pengambilan pekerja dan bantuan latihan (*hiring incentive and training assistance*), dengan peruntukan Kerajaan sebanyak **RM1.5 bilion**.
 - a. PenjanaKerjaya telah dilancarkan di bawah PENJANA bagi membantu perniagaan dan Rakyat yang terkesan oleh krisis COVID-19. Program ini bertujuan untuk merangsang penjaan pekerjaan dan bagi membantu pencari kerja daripada golongan tertentu (penganggur, pekerja yang hilang mata pencarian, OKU, graduan, dan lain-lain) yang mencari peluang pekerjaan.
 - b. Sejak PenjanaKerjaya dilancarkan pada 15 Jun, didapati pertumbuhan positif penjaan pekerjaan dan bilangan pencari kerja yang mendaftar untuk peluang-peluang pekerjaan. Purata pendaftaran harian mencapai sehingga 2,926 pencari kerja dan 2,185 kekosongan jawatan didaftarkan di bawah **MYFutureJobs** – iaitu Portal Perkhidmatan Pekerjaan Nasional. Sehingga **28 Jun 2020**, **PERKESO telah mencatatkan pendaftaran seramai 107,971 pencari kerja dan 85,578 kekosongan jawatan**.
 - c. Sehubungan itu, Kerajaan menyeru majikan dan pencari kerja untuk terus mendaftar di www.myfuturejobs.gov.my agar berpeluang mendapat pekerjaan dan pekerja yang sesuai.
16. **Keempat**, **bantuan sosial bagi golongan mudah terjejas di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), di mana RM108 juta diperuntukkan**. Setakat 25 Jun, lebih 28,000 pendaftaran baru telah diterima bagi ibu tunggal. Maklumat yang diterima sedang disemak-silang dan tarikh bayaran bantuan secara *one-off* sebanyak RM300 tersebut akan diumumkan dalam masa terdekat. **Sebagai peringatan, tempoh pendaftaran masih dibuka sehingga 31 Oktober 2020**.
17. **Kelima**, **pelanjutan waktu perkhidmatan awam di Urban Transformation Centre (UTC)** telah pun bermula pada **15 Jun 2020**.

18. Keenam, **Dana Penjana Nasional**, satu dana pelaburan teknologi berjumlah **RM600 juta bagi sektor modal teroka dan startup** di Malaysia. Jumlah ini akan dipadankan 1:1 dengan pelaburan daripada institusi pelaburan asing untuk menarik pelaburan ke Malaysia.
 - a. Tujuan penubuhan dana ini adalah bagi memacu pemulihan ekonomi melalui proses digitalisasi perniagaan negara di dalam sektor teknologi berimpak tinggi, dengan menarik pelabur asing yang strategik. Penyertaan pelaburan asing juga akan memperkasakan pembangunan modal insan negara di dalam bidang ini melalui kerjasama dengan rakan kerja dana modal teroka tempatan.
 - b. Kerajaan sedia menerima cadangan dan permohonan pelaburan daripada dana modal teroka asing yang berminat untuk melabur di dalam beberapa kategori perintis Dana Penjana Nasional ini dari 1 hingga 14 Julai 2020. Dana perintis merangkumi keseluruhan kitaran hayat pelaburan termasuk *Seed/Co-Creation, Early Stage - Series A/B, Growth Stage* dan *Venture Debt*. Maklumat lebih lanjut mengenai dana ini boleh didapati di laman web penjana.treasury.gov.my. Pelabur yang berminat boleh menghantar e-mel kepada danapenjana@treasury.gov.my.
19. Pada masa yang sama, pasukan LAKSANA bersama dengan Kementerian-kementerian dan agensi-agensi pelaksana sedang giat memastikan soalan lazim, cara permohonan, dan kelayakan inisiatif dikomunikasi dengan baik agar penerima dapat mengakses bantuan-bantuan yang disenaraikan di bawah PENJANA. Status pencapaian langkah-langkah yang lain akan mula dikongsi setelah usaha pelaksanaan bermula secara berperingkat dalam masa terdekat.

ULASAN MENGENAI BEBERAPA TOPIK SEMASA

20. Kerajaan ingin menyarankan orang ramai untuk **merancang kewangan** mereka, dan berunding dengan profesional berlesen untuk mengetahui mengenai tindakan yang dapat diambil untuk memperbaiki aliran tunai seseorang dan menangani kekangan kewangan, yang timbul daripada kesan COVID-19. Bagi mereka yang mungkin masih belum mengetahui, Bank Negara Malaysia telah menubuhkan **Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kewangan (AKPK)** yang boleh membantu seseorang di dalam pendidikan kewangan, kaunseling kewangan dan program pengurusan kredit. Perkhidmatan ini adalah percuma dan Rakyat boleh menghubungi AKPK (<https://www.akpk.org.my/my>) melalui nombor telefon 03-2616 7766. AKPK mempunyai 11 cawangan di seluruh Malaysia (<https://www.akpk.org.my/my/hubungi-kami#akpk>).

21. Kerajaan juga sedar bahawa ada sindiket yang tidak bertanggungjawab yang memperdaya masyarakat mengenai akses kepada pembiayaan di bawah langkah-langkah PRIHATIN dan PENJANA. Institusi kewangan tidak melantik atau melibatkan pihak ketiga atau ejen untuk proses mendapatkan pinjaman atau pengeluaran simpanan kerana terdapat pilihan yang jelas secara langsung dengan agensi penyelia yang diberi kuasa.
22. Pelbagai media telah melaporkan bahawa penipu kerap memperdayakan mangsa agar menyerahkan kad pengenalan dan butiran akaun bank mereka dengan alasan untuk menolong mereka memproses pinjaman atau mengeluarkan simpanan dari akaun KWSP dan sebagainya. Rakyat boleh mendapatkan maklumat mengenai taktik-taktik penipuan dan cara-cara melindungi diri daripada laman Facebook Bank Negara Malaysia bertajuk "Amaran Scam" (<https://www.facebook.com/amaranpenipuan>). Bagi mereka yang merasakan telah menjadi mangsa penipuan, sila hubungi BNMTELELINK di talian 1300-88-5465.
23. Rakyat perlu berhati-hati dan berwaspada terhadap penipuan yang melibatkan pakej rangsangan ekonomi dan langkah-langkah bantuan yang dilabel nama PRIHATIN dan PENJANA. Rakyat disarankan untuk menghubungi terus Kementerian Kewangan atau agensi-agensi yang berkenaan untuk mendapatkan penjelasan mengenai cara-cara untuk mengakses langkah-langkah PRIHATIN dan PENJANA yang diumumkan.

YB Tengku Dato' Sri Zafrul Aziz

Menteri Kewangan

Kementerian Kewangan Malaysia

30 Jun 2020

[TAMAT]